

MENJEJAKI MALAM LAIL AL-QADR

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2004). Menjejaki Malam Lail al-Qadr in *Program Ihya' Ramadan* at Dewan Tun Rahah, Kolej Tun Razak , Universiti Teknologi Malaysia, on 20 Oktober 2005, pp 1-10.

Abstrak

Sepuluh malam yang terakhir dalam bulan Ramadhan merupakan malam-malam yang penuh dengan keberkatan dan kelebihan yang tertentu. Malam-malam ini adalah merupakan malam yang ditunggu-tunggu oleh seluruh orang mukmin. Bulan Ramadhan, al Quran dan malam Lailatulqadar mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain sebagaimana yang diterangkan dalam banyak hadis dan beberapa ayat al-Quran. Artikel ini akan cuba mengupas tentang malam Lail al-Qadr ini dengan membincangkan tafsir surah al-Qadr secara ringkas, bila berlaku Lail al-Qadr, tanda dan cirinya, serta amalan yang terafdal ketika berada padanya.

MENJEJAKI MALAM LAIL AL-QADR*

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Sepuluh malam yang terakhir dalam bulan Ramadhan merupakan malam-malam yang penuh dengan keberkatan dan kelebihan yang tertentu. Malam-malam ini adalah merupakan malam yang ditunggu-tunggu oleh seluruh orang mukmin. Bulan Ramadhan, al Quran dan malam Lailatulqadar mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain sebagaimana yang diterangkan dalam banyak hadis dan beberapa ayat al-Quran. Artikel ini akan cuba mengupas tentang malam Lail al-Qadr ini dengan membincangkan tafsir surah al-Qadr secara ringkas, bila berlaku Lail al-Qadr, tanda dan cirinya, serta amalan yang terafdal ketika berada padanya.

KENYATAAN AL-QURAN TENTANG LAIL AL-QADAR

Surah yang tidak asing lagi yang menceritakan secara lengkap tentang Lail al-Qadar ialah Surah al-Qadar (97:1-5). Dalam surah ini Allah S.W.T. berfirman:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ نَزَّلَ الْمَلَكُوتُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾ ﴾

Maksud: “*Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar, dan apa jalannya Engkau dapat mengetahui apa Dia kebesaran malam Lailatul-Qadar itu? Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!*”

(Surah al-Qadar, 97:1-5)

Berdasarkan ayat ini, ayat pertama menjelaskan tentang Lail al-Qadr yang juga dikenali sebagai Lail al-Mubarakah sebagaimana yang disebut dalam firman Allah yang berbunyi, “*Innaa anzalnahu fi lailatin mubaarakah.*” yang membawa maksud, “*Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Quran) pada malam yang penuh keberkatan*”. Dan malam tersebut sudah pastinya di bulan Ramadhan, sebagaimana firman Allah yang bermaksud, “*Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Quran.*” Ibn Abbas berkata (Ibn Kathir, 1993: 532): Allah telah menurunkan al-Quran dalam jumlah yang satu (sekaligus) daripada lauh mahfuz ke bait al-‘Izzah di Langit Dunia. Kemudian al-Quran diturunkan secara beransur-ansur berdasarkan kejadian yang berlaku sepanjang kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasulullah selama tempoh 23 tahun.

* Pembentangan Kertas Kerja ini sempena dengan Program Ihya' Ramadhan di Dewan Tun Rahah, Kolej Tun Razak pada 20 Oktober 2005, anjuran Jawatankuasa Mahasiswa, Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia.

Ayat kedua surah ini pula menjelaskan tentang kedudukan Lail al-Qadar yang dikatakan lebih baik daripada 1000 bulan. Allah S.W.T. menggunakan istilah seribu bulan ini adalah lebih baik beribadat pada malamnya kerana membandingkan tentang kehebatan umat lalu sebagaimana dalam beberapa Riwayat. Antaranya ialah apa yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim daripada Mujahid bahawa ada seorang lelaki dari Bani Israil, namanya Syam'un. beliau merupakan seorang pahlawan Islam yang berjuang di jalan Allah selama seribu bulan. Selama perjuangannya seribu bulan, beliau tidak pernah dikalahkan oleh musuhnya. Keadaan beliau ini ditambah dalam riwayat Ibnu Jarir daripada Mujahid juga, mengatakan bahawa lelaki Bani Israil itu pada malam harinya sentiasa mendirikan ibadah malam sehingga subuh, manakala pada siang harinya berjihad menentang musuh sehinggalah menjelang petang selama seribu bulan (Ibn Kathir, 1993: 533).

Lelaki yang dimaksudkan di sini menurut al-Ghazali ialah Sham'un. Sham'un merupakan seorang pahlawan di kalangan Bani Israil dan beliau tidak pernah dikalahkan musuh. Suatu hari, musuhnya berbincang cara untuk menewaskan Syam'un. Lalu mereka menghantar utusan kepada isteri Syam'un untuk memperdayakannya. Utusan tersebut membawa satu bejana penuh dengan emas dan meminta isteri Syam'un supaya mengikat suaminya pada malam hari. Akibat tamakan emas, isterinya sanggup mengikat Syam'un pada malam harinya. Keesokan paginya, apabila Syam'un bangkit dari tidur, dengan mudahnya tali yang mengikatnya terputus satu demi satu. Lalu beliau bertanya kepada isterinya kenapa beliau diikat? Jawab isterinya, dia mahu menguji kekuatan Syam'un. Apabila pihak musuh mengetahui bahawa rancangan tersebut gagal, mereka berputus asa. Kemudian Iblis datang menemui mereka dan menasihati mereka agar meminta isteri Syam'un tanya suaminya itu apakah rahsia kekuatannya? Pada malam nya, si isteri bertanyakan Syam'un tentang perkara itu. Syam'un yang pada awalnya keberatan memberitahu, akhirnya mendedahkan rahsia kekuatannya terletak pada lapan helai janggutnya yang panjangnya hingga ke tanah. Setelah Syam'un terlena, si isteri pun memotong janggut suaminya yang hanya lapan helai itu lalu diikatnya pada kaki dan tangan Syam'un. Pihak musuh datang menangkap Syam'un dan membawanya ke rumah pasung untuk disiksa. Mereka menyiksa Syam'un dengan memotong sedikit demi sedikit anggota tubuh Syam'un seperti telinga, mulut dan lain-lain. Lalu Syam'un yang berada dalam kesakitan, berdoa kepada Allah agar diberikan kekuatan untuk melawan musuhnya. Tiba-tiba Allah memakbulkan doa Syam'un , dan Syam'un menarik ikatan yang mengikatnya pada tiang-tiang besar di rumah pasung itu hingga menyebabkannya runtuh lalu menimpa musuh-musuhnya hingga mati.

Riwayat daripada Ali bin Aurah pada satu hari Rasulullah telah menyebut 4 orang Bani Israel yang telah beribadah kepada Allah selama 80 tahun. Mereka sedikitpun tidak derhaka kepada Allah lalu para sahabat kagum dengan perbuatan mereka itu. Jibril datang memberitahu kepada Rasulullah bahawa Allah w.s.t. menurunkan yang lebih baik dari amalan mereka. Jibril pun membaca surah Al Qadar dan Jibril berkata kepada Rasulullah ayat ini lebih baik daripada apa yang engkau kagumkan ini menjadikan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat amat gembira (Ibn Kathir, 1993: 533).

Sambungan daripada tafsiran ayat dua dan tiga surah al-Qadar bahawa walaupun Sama'un begitu hebat namun umat Muhammad yang mampu melakukan amalan mereka pada malam Lail al-Qadar ini adalah lebih diutamakan dan lebih hebat. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan Sufyan as Thauri berkata, "telah disampaikan kepada aku daripada Mujahid bahawa malam Lail al-Qadr lebih baik daripada seribu bulan (maknanya): amalannya, puasanya, dan mendirikan malamnya adalah lebih baik dari seribu bulan. Dan daripada Mujahid, Malam Lail al-Qadr lebih baik daripada seribu bulan yang tidak ada malam Lail al-Qadr padanya. Sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. (al-Bukhari, 1994: 34; Muslim, 2001: 1268):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

Maksud: *Abu Hurairah telah menceritakan kepada mereka, bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Barangsiapa yang menegakkan (shalat pada malam) Lail al-Qadr dengan keimanan dan mengharap (pahala dari Allah), maka dosa-dosanya yang telah lalu akan diampuni."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Huraian ayat empat dan lima surah al-Qadar pula menjelaskan tentang malaikat turun bawa rahmat dan berkat. Malaikat yang dimaksudkan dala ayat ialah malaikat rahmat yang membawa segala rahmat dan keberkatan pada malam itu. Banyaknya malaikat turun menandakan banyaknya keberkatan dan rahmat turun pada malam Lail al-Qadr. Keadaan ini samalah ketika turunnya Malaikat kepada orang yang sedang membaca al-Quran atau orang yang duduk dalam majlis atau halaqah zikr. Mereka melingkungi orang yang berzikir serta melabuhkan sayap mereka ke atas orang2 yang menuntut ilmu kerana memuliakan penuntut ilmu.

Manakala al-Ruh dalam ayat pula merujuk kepada Malaikat Jibril a.s. Adapun "*membawa segala urusan*" membawa maksud segala taqdir berkaitan ajal dan rezeki, dan ketentuan segala perkara. Hal ini sebagaimana yang disebut oleh al-Qatadah.

Ayat lima surah al-Qadr yang membawa maksud sejahtera hingga subuh, sejahtera di sini bermaksud Syaitan tidak dibenarkan melakukan perkara jahat pada malam itu. Kata Qatadah dan Ibn Zaid, Rasulullah bersabda, "*Salaamun hia*" bermaksud baik seluruhnya, tidak ada padanya (malam Lail al-Qadr) kejahatan hinggalah terbitnya fajar (Subuh).

BILA LAIL AL-QADAR

Malam Lail al-Qadr pada asalnya boleh diketahui tetapi pengetahuannya tentangnya diangkat oleh Allah S.W.T. kembali sebagai satu pengajaran kepada umat ini tentang peri pentingnya mengelakkan pergaduhan dan pertengkaran dan menggalakkan kesatuan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam sepotong hadis (al-Bukhari, 1994: 47):

عَنْ حَمِيدٍ حَدَّثَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبَادَةُ بْنُ الصَّامِتِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ خَرَجَ يَخْبِرُ بَلِيْلَةَ الْقَدْرِ فَتَلَا حَى رَجُلَانِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ فَقَالَ إِنِّي خَرَجْتُ لِأَخْبِرْكُمْ بَلِيْلَةَ الْقَدْرِ وَإِنَّهُ تَلَا حَى فُلَانٌ وَفُلَانٌ فَرَفَعَتْ وَعَسَى أَنْ يَكُونَ خَيْرًا لَكُمْ التَّمْسُوْهَا فِي السَّبْعِ وَالتَّسْعِ وَالْخَمْسِ

Maksud: *'Ubadah bin Ash Shamit, bahwa Rasulullah s.a.w. keluar untuk menjelaskan tentang Lail al-Qadr, lalu ada dua orang muslimin saling berdebat. Maka Nabi s.a.w. bersabda: "Aku datang untuk menjelaskan Lail al-Qadr kepada kalian, namun fulan dan fulan saling berdebat sehingga akhirnya diangkat (Lail al-Qadr), dan semoga menjadi lebih baik buat kalian, maka itu intailah (Lail al-Qadr) itu pada hari yang ketujuh, enam dan lima".*

(Al-Bukhari)

Namun, secara hakikatnya terdapat hikmah pengetahuan tentang Lailat al-Qadar. Mungkin jika umat Islam mengetahui tentang kaedah mencerap Lail al-Qadr menjadikan umat Islam semakin malas untuk beribadat kepada Allah dan hanya menumpukan ibadat pada mala ini.

Terdapat juga panduan untuk mencari Lail al-Qadr ini dalam hadis tetapi tidak dinyatakan secara spesifik bagaimana untuk mencarinya. Panduan mencari Lail al-Qadr ini pada hakikatnya untuk menjelaskan kepada umat bahawa ibadat pada malam ini ikut kemampuan masing-masing. Jaminan yang kuat kepastiannya kepada mereka yang mampu ialah dengan menghidupkan keseluruhan sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Jika tidak mampu, boleh difokuskan kepada tujuh malam yang terakhir daripada bulan Ramadan. Jika tidak mampu, malam yang ganjil daripada sepuluh malam yang terakhir. Jika tidak mampu juga, maka fokuskan pada malam 27.

Sepuluh malam terakhir daripada Ramadan

Tuntutan yang paling utama bagi umat Islam ketika bulan Ramadan ialah menghidupkan sepuluh malam terakhir dengan ibadah. Hal ini kerana terdapat juga riwayat hadis yang menunjukkan bahawa kadang-kadang Lail al-Qadr pernah berlaku pada malam yang genap, iaitu pada malam 24 sebagaimana yang dilaporkan dalam satu hadis (al-Bukhari, 1994: 1882)

ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ هِيَ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ هِيَ فِي تِسْعِ يَمُضِينَ أَوْ فِي سَبْعٍ يَبْقَيْنِ يَعْنِي لَيْلَةَ الْقَدْرِ وَعَنْ خَالِدٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ التَّمَسُّوا فِي أَرْبَعٍ وَعِشْرِينَ

Maksud: *Ibnu 'Abbas r.a.ma berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dia terjadi pada sepuluh malam terakhir, juga pada sembilan hari yang terakhir atau pada yang ketujuh, iaitu terjadinya Lail al-Qadr". Dan dari Khalid dari 'Ikrimah dari Ibnu 'Abbas r.a.ma; "Carilah pada malam kedua puluh empat".*

(Al-Bukhari)

Namun adalah lebih baik untuk menunggu dengan beribadat pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan kerana inilah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan suruhannya. Rasulullah s.a.w. bersabda (al-Bukhari, 1994; 1880):

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُجَاوِرُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ وَيَقُولُ تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ

Maksud: *'Aisyah radliallahu 'anha berkata: Rasulullah s.a.w. ber'tikaf pada sepuluh hari terakhir dari bulan Ramadhan dan bersabda: "Carilah Lail al-Qadr pada sepuluh malam yang akhir dari Ramadhan".*

(Al-Bukhari)

Hikmah menghidupkan kesemua sepuluh malam terakhir ini ialah orang yang beribadat pada semua malam ini tidak perlu mencari-cari malam Lail al-Qadr tersebut kerana tidak perlu bimbang bilakah malam tersebut berlaku dan dia berkemungkinan tidak akan terlepas malam tersebut. Apatah

lagi hari jatuh awal Ramadan di setengah negeri berbeza dengan negeri yang lain. Justeru, sudah tentu pengiraan bagi hari ganjil adalah berbeza pula bagi setiap negeri yang berbeza mula hari puasanya.

Tujuh malam Terakhir

Namun sekiranya tidak mampu untuk menghidupkan kesemua sepuluh malam, maka pilihan yang dituntut pula menghidupkan tujuh hari terakhir daripada bulan Ramadan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam sepotong hadis (al-Bukhari, 1994; 1876):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ أُرُوا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْمَنَامِ فِي السَّبْعِ
الْأَوَّلِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَرَى رُؤْيَاكُمْ قَدْ تَوَاطَأَتْ فِي السَّبْعِ الْوَأَخِرِ فَمَنْ كَانَ مُتَحَرِّبًا
فَلْيَتَحَرَّهَا فِي السَّبْعِ الْوَأَخِرِ

Maksud: *Ibnu'Umar r.a.ma bahwa ada seorang dari sahabat Nabi s.a.w. yang menyaksikan Lail al-Qadr dalam mimpi terjadi pada tujuh hari terakhir. Maka Rasulullah s.a.w. berkata: "Aku memandang bahwa mimpi kalian tentang Lail al-Qadr tepat terjadi pada tujuh malam terakhir, maka siapa yang mau mendekatkan diri kepada Allah dengan mencarinya, lakukanlah pada tujuh malam terakhir".*

(Al-Bukhari)

Hadis ini menyuruh agar dapat dihidupkan tujuh malam terakhir daripada bulan Ramadan sebagai satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. serta memastikan supaya dapat malam Lail al-Qadr tersebut. Hadis ini disokong dengan satu hadis lain yang menjelaskan (Abu Dawud, 1994: 1177):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي السَّبْعِ الْوَأَخِرِ

Maksud: *Ibnu Umar dia berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Carilah malam Lail al-Qadr di tujuh malam terakhir (bulan Ramadhan)."*

(Abu Dawud)

Tujuh hari terakhir bermaksud bermula pada malam 23 sehinggalah selesai bulan Ramadan sama ada bulan tersebut 29 hari atau 30 hari.

Malam Ganjil dalam 10 malam Terakhir Ramadan

Sekiranya masih lagi tidak mampu untuk beribadat pada tujuh malam terakhir, maka tuntutan yang paling utama ialah dengan menghidupkan malam yang ganjil bulan Ramadan sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis al-Bukhari (1994: 47) yang lalu. Hadis ini selaras dengan hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Majah (t.t.: 1756) yang menjelaskan:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ قَالَ اعْتَكَفْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ الْعَشْرَ الْأَوْسَطَ مِنْ رَمَضَانَ فَقَالَ إِنِّي أُرِيتُ لَيْلَةَ الْقَدْرِ فَأُنْسِيْتُهَا فَالْتَمَسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَّخِرِ فِي الْوَتْرِ

Maksud: *Abu Sa'id Al Khudri ia berkata, "Kami pernah beri'tikaf bersama Rasulullah s.a.w. pada sepuluh hari kedua pada bulan Ramadan, beliau bersabda: "Sesungguhnya telah diperlihatkan kepadaku malam Lail al-Qadr namun aku lupa, maka dapatkanlah ia pada sepuluh akhir di hari yang ganjil. "*

(Ibn Majah)

Sepuluh malam yang ganjil dalam hadis ini merujuk kepada malam 21, 23, 25, 27, dan 29 daripada bulan Ramadan.

Malam yang Ke-27

Namun jika masih tidak berkemampuan, maka pilihan terakhir ialah dengan menghidupkan malam yang ke 27 daripada bulan Ramadan. Terdapat hadis yang menjelaskan secara spesifik malam ini berbanding dengan malam ganjil lain yang tidak dijelaskan secara spesifik dengan riwayat yang agak banyak. Antara hadis yang menjelaskan ialah (Abu Dawud, 1994: 1178):

عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ أَبِي سُفْيَانَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ قَالَ لَيْلَةُ الْقَدْرِ لَيْلَةٌ سَبْعٌ وَعِشْرِينَ

Maksud: *Mu'awiyah bin Abu Sufyan dari Nabi s.a.w. mengenai Lail al-Qadr, beliau bersabda: "Lail al-Qadr adalah malam ke dua puluh tujuh."*

(Abu Dawud)

Dalam riwayat yang lain sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ahmad (1994: 2042) menjelaskan seperti berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنِّي شَيْخٌ كَبِيرٌ عَلِيلٌ يَشْقُ عَلِيَّ الْقِيَامُ فَأَمْرُنِي بَلِيلَةٌ لَعَلَّ اللَّهَ يُوفِّقُنِي فِيهَا لِلَّيْلِ الْقَدْرِ قَالَ عَلَيْكَ بِالسَّابِعَةِ

Maksud: *Abdullah bin 'Abbas; bahwa seseorang datang kepada Nabi s.a.w. lalu berkata; "Wahai Nabi Allah, saya adalah orang yang sudah tua renta yang sakit sakitan, sulit bagiku untuk berdiri, maka perintahkan kepadaku dengan satu malam semoga Allah menetapkanku bertemu dengan malam Lail al-Qadr." Beliau bersabda: " (Beribadahlah) pada malam ketujuh."*

(Ahmad)

Malam yang kedua puluh tujuh ini adalah malam yang terakhir dituntut untuk dihidupkan bagi mendapatkan Lail al-Qadr kerana malam ini selalunya berlaku peristiwa tersebut.

TANDA MALAM LAIL AL-QADAR

Adapun antara tanda Malam Lail al-Qadr ialah berdasarkan kepada hadis yang akan dibincangkan dalam subtajuk berikut.

Bulan terang kemerahan

Antara tanda malam Lail al-Qadr ialah bulan terang kemerahan. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (1994: 3384):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ مَتَى لَيْلَةُ الْقَدْرِ قَالَ مَنْ يَذْكُرُ مِنْكُمْ لَيْلَةَ الصَّهْبَاوَاتِ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ أَنَا بِأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي وَإِنَّ فِي يَدَيَّ لَتَمْرَاتٍ اسْتَحْرُبُهُنَّ مُسْتَتْرِبًا بِمَوْخِرَةٍ رَحْلِي مِنَ الْفَجْرِ وَذَلِكَ حِينَ طَلَعَ الْقَمَرُ

Maksud: "Abdullah bin Mas'ud bahwa seorang laki-laki datang kepada Nabi s.a.w. lalu berkata; Kapan terjadi Lail al-Qadr? Beliau bersabda: "Siapa dari kalian yang ingat malam berwarna merah itu?" Abdullah berkata; Aku, demi ayah dan ibuku jadi tebusanmu. Dan sesungguhnya di kedua tanganku ada beberapa kurma yang menjadikan menu sahurku sambil bersembunyi di balik bagian belakang tungganganku karena fajar tiba. Hal itu terjadi ketika bulan telah muncul."

(Ahmad)

Namun tanda seperti ini hanya terdapat dalam kitab imam Ahmad sedangkan tidak terdapat dalam riwayat imam hadis yang sembilan.

Matahari Siang Selepas Malam Lail al-Qadar Tidak Terang

Tanda yang paling popular dan banyak disebutkan dalam hadis-hadis ialah ketika terbit fajar matahari. Keadaan matahari pada siang harinya tidak terik tetapi dalam masa yang sama terang putih. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam beberapa hadis antaranya ialah (Muslim, 2001: 1999):

زَبْنِ حَبِيشٍ يَقُولُ سَأَلْتُ أَبِي بِنَ كَعْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقُلْتُ إِنَّ أَحَاكَ ابْنَ مَسْعُودٍ يَقُولُ مَنْ يَوْمَ الْحَوْلِ يُصَبُّ لَيْلَةَ الْقَدْرِ فَقَالَ رَحِمَهُ اللَّهُ أَرَادَ أَنْ لَا يَتَكَلَّمَ النَّاسُ أَمَا إِنَّهُ قَدْ عَلِمَ أَنَّهَا فِي رَمَضَانَ وَأَنَّهَا فِي الْعَشْرِ الْوَاخِرِ وَأَنَّهَا لَيْلَةُ سَبْعٍ وَعِشْرِينَ ثُمَّ حَلَفَ لَا يَسْتَتْنِي أَنَّهَا لَيْلَةُ سَبْعٍ وَعِشْرِينَ فَقُلْتُ بِأَيِّ شَيْءٍ تَقُولُ ذَلِكَ يَا أَبَا الْمُنْذِرِ قَالَ بِالْعَلَامَةِ أَوْ بِالْبَايَةِ الَّتِي أَخْبَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنَّهَا تَطْلُعُ يَوْمَئِذٍ لَا شُعَاعَ لَهَا

Maksud: Zirr bin Hubaisy berkata, saya bertanya kepada Ubay bin Ka'b r.a. Saya katakan, "Sesungguhnya saudaramu Ibnu Mas'ud berkata, 'Barangsiapa yang menunaikan shalat malam sepanjang tahun, niscaya ia akan mendapatkan malam Lail al-Qadr.'" Maka Ubay bin Ka'b berkata, "Semoga Allah merahmatinya. Ia menginginkan agar manusia tidak hanya bertawakkal. Sesungguhnya ia telah mengetahui bahwa Lail al-Qadr terjadi pada bulan Ramadan, yakni dalam sepuluh hari terakhir tepatnya pada malam ke dua puluh tujuh."

Kemudian Ubay bin Ka'b bersumpah, bahwa adanya Lail al-Qadr adalah pada malam ke dua puluh tujuh. Maka saya pun bertanya, "Dengan landasan apa, Anda mengatakan hal itu ya Abu Mundzir?" Ia menjawab, "Dengan dasar alamat atau tanda-tanda yang telah dikabarkan Rasulullah s.a.w. kepada kami, bahwa di hari itu matahari terbit dengan pancaran cahaya yang tidak menyengat."

(Muslim)

Dalam riwayat berikut, matahari digambarkan dengan warna putih namun tidak terasa teriknya. Rasulullah s.a.w. menjelaskan (Ahmad, 1994: 20248):

عَنْ أَبِي بَنْ كَعْبٍ يَقُولُ لَيْلَةَ سَبْعٍ وَعِشْرِينَ هِيَ الَّتِي أَخْبَرَنَا بِهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنَّ الشَّمْسَ تَطْلُعُ بَيَاضًا وَفِي رِوَايَةٍ.. وَزَادَ فِيهِ لَيْسَ لَهَا شُعَاعٌ

Maksud: Ubay bin Ka'b dia berkata, "Malam Lail al-Qadr adalah malam ke dua puluh tujuh dalam bulan Ramadan, Rasulullah s.a.w. telah mengabarkan kepada kami bahwa di antara tanda-tandanya adalah terbitnya matahari dengan sinar berwarna putih bersih." Dan dalam riwayat yang lain dengan tambahan, "Matahari terbit tanpa terik panas."

(Ahmad)

Hadis ini disokong dengan hadis yang lain yang menjelaskan (Ahmad, 1994: 3664):

عَنْ أَبِي قَالَ إِنْ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ إِنْ لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي النِّصْفِ مِنَ السَّبْعِ الْوَأَخِرِ مِنْ رَمَضَانَ تَطْلُعُ الشَّمْسُ غَدَاتِنْدَ صَافِيَةٍ لَيْسَ لَهَا شُعَاعٌ فَنَظَرْتُ إِلَيْهَا فَوَجَدْتُهَا كَمَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ

Maksud: Ibnu Mas'ud menjawab; Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Lail al-Qadr itu terjadi di pertengahan dari tujuh hari terakhir bulan Ramadan, matahari terbit pagi hari dengan cerah tanpa memancarkan sinar." Lalu aku melihatnya dan mendapatkannya sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.

(Ahmad)

Pertengahan daripada tujuh sebenarnya malam yang kedua puluh tujuh. Berdasarkan hadis ini, matahari memancar seperti biasa, tetapi tidak terik rasanya.

AMALAN KETIKA LAIL AL-QADR

Amalan yang dituntut untuk dilaksanakan ketika bertemu dengan malam Lail al-Qadr ialah beriktikaf, beribadat dengan pelbagai ibadat, dan berdoa.

Mengenai amalan beriktikaf, sememangnya Rasulullah s.a.w. telah menjadikan sepuluh malam terakhir untuk dihidupkan dengan beribadat. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (1994: 1885) dan Muslim (2001: 2002):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ مِنْ رَمَضَانَ

Maksud: "Abdullah bin 'Umar r.a. berkata: " Rasulullah s.a.w. beri'tikaf pada sepuluh hari yang akhir dari Ramadhan."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Bahkan dalam riwayat yang lain, Rasulullah s.a.w. juga menggalakkan isteri-isteri beliau untuk sama-sama bangun menghidupkan sepuluh akhir Ramadan dengan beribadat. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam sepotong hadis (al-Tirmidhi, 1994: 725):

عَنْ عَلِيٍّ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يُوقِظُ أَهْلَهُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ مِنْ رَمَضَانَ قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Maksud: 'Ali bahwa Nabi s.a.w. biasa membangunkan keluarganya pada sepuluh hari terakhir dari bulan Ramadan. Abu 'Isa berkata; "Ini merupakan hadits hasan shahih."

(Al-Tirmidhi)

Ketika beriktikaf di Masjid tersebut, pelbagai ibadat dikerjakan oleh Baginda dalam bentuk solat malam, membaca al-Quran, dan berzikir. Mengikut satu riwayat, Rasulullah s.a.w. lebih kuat beribadat pada sepuluh akhir Ramadan daripada lain-lain malam sebagaimana yang dijelaskan oleh sepotong hadis (Muslim, 2001: 2009):

قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

Maksud: Aisyah berkata; "Pada sepuluh terakhir bulan Ramadan Rasulullah s.a.w. lebih giat beribadah melebihi hari-hari selainnya."

Namun begitu tuntutan yang paling banyak disuruh dalam kebanyakan hadis ialah dengan berdoa kepada Allah dengan doa yang diajarkan dalam hadis ini (al-Tirmidhi, 1994: 3435; Ibn Majah, t.t.: 3840):

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ إِنْ عَلِمْتُ أَيَّ لَيْلَةٍ لَيْلَةُ الْقَدْرِ مَا أَقُولُ فِيهَا قَالَ قَوْلِي اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفْوٌ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Maksud: Aisyah ia berkata; wahai Rasulullah, apabila aku mengetahui malam apakah Lail al-Qadr, maka apakah yang aku ucapkan padanya? Beliau mengatakan: "Ucapkan; *allaahumma innaka 'afuwun kariimun tuhhibbul 'afwa fa'fu 'annii* (Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemberi ampunan dan Maha Pemurah, Engkau senang memberikan ampunan, maka ampunilah aku). Abu Isa berkata; hadits ini adalah hadits hasan shahih.

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Hadis ini menyuruh supaya umat Islam memohon keampunan dengan memuji Allah yang Maha Pengampun.

PENUTUP

Artikel ini telah membincangkan tentang definisi Lail al-Qadar, tafsir surah al-Qadr, waktunya, ciri dan tanda-tandanya, dan amalan yang perlu dilakukan pada malam tersebut. Apa yang jelas, melakukan ibadat begitu sekali dimudahkan oleh Allah kepada umat Muhammad s.a.w. yang lemah sehingga diberi pilihan untuk beribadat dengan cara tertinggi dan cara yang terendah mengikut kemampuan individu dalam mendekati diri kepada Allah S.W.T.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1999). *Tafsir Pimpinan Al-Ranman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Daud, al-Irram (1994). *Sunan Abi Daud*. Beirut. Dar al-Fikr. Jil. 1-2.
- Ahmad, al-Imam (1994). Al-Musna Li al-Imam Ahmad b. Hambal. Bairut: Dar al-Fikr. Abu Daud, al-Imam (1994). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Fikr. Jil. 1-2.
- Al-Bukhari, al-Imam (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah. Jilid 1-5.
- Al-Mabarkafuri, Sof al-Rahman (1994). *Al-Rahiq wa al-Makhtum Bahthu fi al-Sirah al-Nabawiyah 'ala Sobibiha Afdhal al-Solah wa al-Salam*. Damsyiq: Dar al-Salam.
- Al-Munziri, al-Imam al-Hafiz Abd al-'Azim b. al-Qawi (1990). *Al-Tarhib wa al-Tarhib mm al-Haditn al-Sharif*. Bairut: Dar Maktabah al-Hayaah.
- Al-Nadwi, Abul Hasan Ali {1986} *Al-Sirah al-Nabewiyah*. (Terjemahan Bey Arifin dalam *Rtwayat Hidup Rasulullah s.a.w*. Singapura: Pustaka Nasional Ptd Ltd.
- Al-Nasa'i, al-Imam (1930). *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiyah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi (1983). *Al-Azkar*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu^casir.
- Al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu^casir.
- Al-Nawawi (2000). Al-Azkar (Terj. Syed Ahmad Semait dalam Kumpulan Doa dan zikir al-Adzkar). Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Tirmidhi, al-Imam (1994). *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 1-5.
- Ibnu Kathir, Abi al-Fida' al-Hafiz (2002). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Bairut: al-Maktabah al-'Asriyyah. Jilid 1-10.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz (1993). *Tafsir al-Quran al-'Azim* Al-Madinah al-Munawwarah: Maktahah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Ibnu Majah, al-Imam (1954). *Sunan Ibnu Majah*. Mesir: Dar al-Fikr. Jilid 1-2.
- Ibnu Manzur, Jamal Al-Din Muhammad Ibn Mukram, (1990). *Lisan al-^cArab*. Bairut: Dar Sadir Moenawar Chalil, K.H. (1999). Sirah Nabi Muhammad SAW. Selangor: Darul Kitab Sdn. Bhd. Jild 1-6.
- Muslim, Abu al-Husam Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Cushain al-Naisabun (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maklabah al-Asriyyah.
- Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Al-Ustaz Mahyuddin Mustawin, Al-L[^]taz Ali Al-Syirbiji dan Al-Ustaz Muhammad Amin Lutfi, (1992). *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2.